



SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 26 TAHUN 2014

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PUSAT
INFORMASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA NEGERI MELAKA (SPRM)

Pejabat Pendaftar
5 Ogos 2014

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 26/2014

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PUSAT INFORMASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA NEGERI MELAKA (SPRM)

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai pembukaan Pusat Informasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka (SPRM).

2.0 Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) melalui surat bernombor rujukan JKMM/PENT/100/2/1/7 Jld 3(7) bertarikh 11 Julai 2014 telah memaklumkan berkenaan persetujuan pihak Pengurusan Tertinggi SPRM untuk mewujudkan Pusat Informasi SPRM Negeri Melaka. Pusat ini diwujudkan bagi menyokong usaha SPRM untuk membanteras jenayah rasuah serta merakytakan perkhidmatan SPRM di Negeri Melaka.

3.0 Sehubungan dengan itu, mulai 16 Jun 2014, SPRM Negeri Melaka akan memulakan operasi di tiga (3) buah Pusat Informasi **yang akan dibuka seminggu sekali** dengan menyediakan dua (2) orang pegawai bertugas di lokasi berikut:-

BIL.	HARI	LOKASI	MASA
1.	Isnin	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	9.00 pg – 4.00 ptg
2.	Rabu	Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)	9.00 pg – 4.00 ptg
3.	Jumaat	Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)	9.00 pg – 4.00 ptg

4.0 Pusat informasi ini diwujudkan untuk memudahkan masyarakat umum menyalurkan maklumat dan aduan (jika ada) berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

5.0 Memandangkan terdapat isu berkaitan keselamatan, SPRM Negeri Melaka tidak menyediakan Pusat Informasi di Tingkat 4, Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Jalan Hang Tuah, Melaka atas dasar keselamatan. Namun begitu, peti maklumat/aduan akan disediakan di tingkat tersebut bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sebarang maklumat atau aduan yang berkenaan.

6.0 Sehubungan dengan itu, semua warga Universiti adalah dipohon untuk mengambil maklum berkenaan perkara ini sebagai panduan untuk sebarang urusan berkaitan.

Sekian, harap maklum.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
/nhab